

19 JUN 2001

DR MAHATHIR RASMI GALERI UMNO

KUALA LUMPUR, 19 Jun (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini merasmikan Galeri Umno di Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC) di sini, sempena perhimpunan agung parti itu yang bermula esok.

Dr Mahathir yang juga Presiden Umno turut meluangkan masa kira-kira 15 minit untuk melawat dan menghayati gambar-gambar para pemimpin yang terlibat dalam perjuangan Umno sebelum dan selepas kemerdekaan.

Turut dipamerkan ialah beberapa naskah akhbar "Perikatan", album mengenai penglibatan dan pergolakan yang terpaksa dihadapi oleh pemimpin Umno sejak ia diasaskan oleh Datuk Onn Jaafar.

Galeri Umno yang dibuka kepada umum itu turut menampilkan pencapaian negara secara fizikal di bawah pemerintahan Barisan Nasional (BN) yang diterajui oleh Umno.

Antara produk yang dipamerkan untuk menunjukkan pencapaian fizikal itu ialah kereta dan motosikal terbaru keluaran negara - Proton Waja, Kriss dan Jaguh.

Perhimpunan Agung Umno yang ke-55 dijangka dihadiri oleh 2,027 orang daripada 165 bahagian Umno dari seluruh negara.

Sebahagian daripada perwakilan perhimpunan agung selama tiga hari itu berhimpun di PWTC hari ini untuk menghadiri Majlis Taklimat Presiden di Dewan Merdeka.

-- BERNAMA

NHA PR